



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pekebun sayur rugi RM290,606 ditipu *Macau Scam*
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 6 May 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 50

Pekebun sayur rugi RM290,606 ditipu *Macau Scam*

KUANTAN 5 Mei - Akibat terpedaya dengan helah *Macau Scam* yang menyamar sebagai anggota polis dikenali 'Sarjan Chew' dan 'Tuan Yong', seorang pengusaha kebun sayur di Cameron Highlands dekat sini kerugian RM290,606 diperdaya sindiket itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian ber-

mula pada 22 April lalu apabila mangsa berusia 54 tahun menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa kakitangan Pejabat Pos Malaysia cawangan Kuantan di sini.

Katanya, lelaki itu mendakwa barang kiriman mangsa ke Sarawak dikesan mengandungi dadah dan dirampas pihak berkuasa.

"Panggilan itu kemudian

disambung kepada seorang anggota polis bernama 'Sarjan Chew' untuk menyelesaikan kes panggilan disambung pula kepada 'pegawai polis' yang didakwa dari Bukit Aman bernama 'Tuan Yong'.

"Pada 25 April lalu, 'Tuan Yong' meminta mangsa memindahkan duit ke dalam akaun RHB Bank sebanyak RM172,606.80. Keesokannya,

mangsa memindahkan lagi wang ke dalam akaun sama berjumlah RM20,000," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mohd. Wazir berkata, 'Tuan Yong' meminta pekebun sayur berkenaan membuat empat lagi pemindahan wang iaitu pada 27 April sebanyak RM18,000, 29 April (RM30,000), 30 April (RM30,000) dan pada 1 Mei lalu (RM20,000).